

# Galak amalan bersedekah

Oleh MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH

DALAM suasana kemeriahan bulan Ramadan, ramai yang mengambil kesempatan untuk mempertingkatkan amal ibadah. Sebenarnya, kualiti amal ibadah kita seharusnya senantiasa berada dalam keadaan baik tidak kira sama ada bulan Ramadan atau tidak.

Perbuatan memperbanyakkan amalan di bulan Ramadan sedangkan di bulan-bulan lain amalannya hanya cukup-cukup makan boleh diumpamakan seperti berbuat baik hanya ketika orang yang kita takuti berada di hadapan kita.

Ingatlah bahawa Allah Maha Mengetahui. Salah satu amalan yang digemari di bulan Ramadan ialah amalan bersedekah. Amalan ini adalah suatu amalan mulia yang dapat mengurangkan beban golongan susah.

Daripada Abu Hurairah r.a., dia berkata: *"Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang bersedekah walaupun bernilai sebutir tamar dari usaha baik - kerana Allah tidak menerima kecualli yang baik - sesungguhnya Allah akan menerima dengan tangan kanan-Nya kemudian dikembangbiakkan sebagaimana kamu mengembangbiakkannya untuk binatang ternakan sehinggalah menjadi seperti gunung."* (Diriwayatkan oleh Al-Bukhari)

Menurut hadis ini, Allah menggalakkan kita bersedekah dengan harta yang baik dan juga dengan keikhlasan yang tinggi. Tidak ada guna kita berebut-rebut ketika bulan Ramadan ini bersedekah kepada fakir miskin semata-mata mengejar publisiti untuk organisasi.

Dalam mengejar keuntungan organisasi, kita perlulah menitikberatkan elemen etika. Walaupun pada ketika ini, telah wujud ganjaran untuk organisasi yang menitikberatkan tanggungjawab sosial korporat, namun tujuan asalnya adalah bukan untuk bermegah-megah.

Apalah gunanya anugerah tersebut jika sebagai penerimanya, kita sebenarnya tidak melakukan perbuatan sedekah itu dengan nilai keikhlasan yang terbaik?

Hadis ini menggalakkan umat Islam untuk bersedekah harta yang dikurniakan oleh Allah untuk mendapatkan keredaan dan pahala yang berlipat ganda sebagai mensyukuri nikmat-Nya.

Mengeluarkan sedekah bukannya perlu menunggu masa lapang atau di bulan Ramadan kerana Rasulullah s.a.w. menggalakkannya walaupun dengan sebiji kurma daripada pekerjaan yang baik.

Bersedekah bukan bermakna mengurangkan harta benda, tetapi pada hakikatnya adalah amalan yang dapat mengembang dan menyuburkan harta sehingga menjadi besar seperti gunung.